

# **BUDAYA DILESTARI BAHASA DIPERKASA: INPUT PROSODI, SEMANTIK, DAN BUDAYA DALAM P & P BAHASA MELAYU**

Indirawati Zahid\*  
MALAYSIA

## **Pendahuluan**

DALAM USAHA melestarikan bahasa Melayu sekali gus memperkasakannya, usaha mesti bermula dengan input pendidikan yang bersifat semasa. Input pendidikan yang bersifat semasa bermaksud sesuai dengan keperluan dan perkembangan yang berlaku kini. Ini kerana input pendidikan bukan sahaja penentu kepada kualiti generasi muda yang dilahirkan tetapi juga paparan imej/citra negara bangsa. Sehubungan dengan itu, pendidikan bahasa Melayu tidak lagi boleh dilihat sebagai pendidikan skop sempit sahaja, iaitu kemahiran berbahasa dengan maksud kemampuan dan kemahiran tanpa benar-benar mampu dan mahir berbahasa dengan betul. Kemampuan dan kemahiran berbahasa Melayu dengan betul, tidak keterlaluan jika dikatakan masih belum dapat dicapai dalam objektif pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Melayu. Kepincangan ini berlaku akibat sikap sambil lewa dan kurang fokus apa yang sebenarnya perlu dititikberatkan dalam pengajaran bahasa. Seandainya objektif P & P bahasa Melayu hanya dilihat pada aras permukaan sahaja, maka kualiti berbahasa generasi hari ini dan

---

\* Prof. Madya Dr. Indirawati Zahid, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: indirawati@um.edu.my

akan datang tidak akan pernah ada peningkatan dalam kualiti berbahasa. Justeru P & P bahasa Melayu mesti menginputkan aspek prosodi dan semantik, iaitu subbidang dalam linguistik dan budaya yang membentuk gabungan input multidisiplin dalam P & P yang mantap dengan kualiti berbahasa Melayu dengan baik, sesuai konteks dan bebas konflik. P & P yang bersifat multidisiplin ini akhirnya akan menyediakan kalangan pelajar yang mampu dan mahir berbahasa dengan baik tanpa menimbulkan masalah yang tidak diinginkan kerana akibat berbahasa yang salah seperti yang dinyatakan dalam peribahasa Melayu, *terlajak perahu boleh ditarik, terlajak kata buruk padahnya atau kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa*, generasi lalu sudah lama menyedari akan hal ini tetapi sejauh mana P & P menitikberatkan hal ini masih diragui. Persoalan, *guru tidak pernah ajar?, salah siapa? atau pelajar yang kurang ajar?* menjadi perbualan hangat apabila terasa perasaan disinggung dalam komunikasi yang berlangsung.

Penekanan situasi bebas konflik inilah yang cuba diterapkan dalam kalangan para pelajar melalui P & P bahasa Melayu yang perlu dilihat semula fokus/objektifnya. Tanggapan dan kepercayaan bahawa para pelajar sudah mengetahui norma dan nilai dalam masyarakat, sudah bijak menggunakan bahasa Melayu apatah lagi sebagai penutur natif hal yang menyinggung perasaan tidak akan berlaku sudah tidak boleh dipertanggungjawabkan lagi.

Mengambil kasus yang berlaku di Malaysia, dengan meneliti catatan yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu (SPKBSR) dan Menengah Bahasa Melayu (SPKBSM) hanyalah bertujuan untuk mencadangkan penambahbaikan dilakukan dalam P & P bahasa Melayu dan titik tolak kepada perbincangan lanjut dalam kertas kerja ini. Perbincangan ini tidak bertujuan menidakkan usaha yang dilakukan sebelum ini sebaliknya apa yang dibincangkan merupakan satu rincian pemartabatan salah satu subbidang ilmu linguistik dalam P & P di peringkat persekolahan.

Dalam kedua-dua kata pengantar Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu dan Menengah Bahasa Melayu mencatatkan tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai *bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, dan merupakan mata pelajaran teras yang wajib*



dipelajari di peringkat sekolah rendah dan menengah. Mata pelajaran bahasa Melayu bertujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu. Pernyataan ini secara jelasnya merakamkan betapa pengajaran bahasa Melayu mempunyai tanggungjawab yang cukup besar bukan sahaja kerana kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan yang menyatupadukan masyarakat malahan peranannya sebagai bahasa ilmu. Penekanan kepada keterampilan berbahasa dan berkomunikasi yang dinyatakan ini telah disalurkan melalui tumpuan pengajaran kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kesemua kemahiran ini berobjektifkan penyediaan untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan tatabahasa secara betul dan tepat. Sebagaimana yang tercatat dalam kedua-dua SPKBSR dan SPKBSM lagi, kemahiran yang diajarkan ini adalah untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian. Pengukuhan kepada objektif ini seterusnya direalisasikan dalam bentuk pelbagai aktiviti dalam bahasa Melayu yang dilaksanakan di sekolah-sekolah. Melalui aktiviti yang sebegini pengayaan kemahiran dan penguasaan menggunakan bahasa Melayu dengan tepat akan teruji. Sungguhpun semua yang dinyatakan ini tercatat kemas dan disusuli dengan pelbagai aktiviti luar kelas, sejauh manakah aspek lisan diajarkan dengan rinci agar penguasaan dan kemahiran lisan ini sama seperti penguasaan aspek lain, seperti membaca dan menulis?

Penelitian kandungan huraian Sukatan Pelajaran juga telah dilakukan untuk melihat sejauh mana aspek intonasi ini diberikan perhatian dalam pengajaran bahasa Melayu. Didapati Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu SK Tahun 1 dan SJK Tahun 4 memperlihatkan skop pembelajaran yang sama sementara apa yang berbeza ialah huraian hasil pembelajaran dan cadangan aktiviti/nota. Pada pendapat penulis, situasi ini sesuai dengan umur dan tahap kelas para pelajar yang mengikuti mata pelajaran ini. Sehubungan dengan itu, hasil pembelajaran ini dipecahkan kepada 3 aras, iaitu aras 1 (aras paling asas atau minimum yang harus dicapai oleh semua murid, aras 2 (aras bagi murid yang berprestasi sederhana), dan aras 3 (aras paling tinggi bagi murid yang berprestasi cemerlang).

Pendidikan prasekolah juga menekankan aspek yang sama dan seperti yang dinyatakan di atas, aras pembelajarannya pastilah berbeza sesuai dengan tahap umur murid semasa itu. Dan apa yang sering kali berlaku, guru-guru menerapkan aspek pengajaran ini melalui aktiviti membacakan buku cerita<sup>i</sup> dan kemudiannya diikuti dengan lakonan, main peranan dan sebagainya. Perlu ditekankan, murid-murid prasekolah bukan hanya terdedah kepada aspek intonasi apabila mulai bersekolah sebaliknya pada pendapat penulis aspek intonasi di peringkat prasekolah sehingga persekolahan tinggi merupakan aspek pengukuhan kepada apa yang sedia murid-murid/kanak-kanak ini warisi daripada ibu bapa, penjaga dan persekitaran bahasa. Penyataan ini diperkukuh oleh Key, M.R. (1975:51) yang menyatakan bahawa pola intonasi merupakan elemen pertama yang dipelajari oleh seorang anak damit. Sementara itu apabila murid-murid/kanak-kanak mula meningkat usia, peranan ini lebih banyak diambil alih oleh media sama ada elektronik ataupun bercetak. Berbanding dengan media cetak, media elektronik<sup>ii</sup> merupakan saluran media yang paling berpengaruh kerana menyediakan bentuk program yang bersifat audio dan audio-visual yang menarik perhatian kanak-kanak. Atas kepelbagaian bentuk kehadiran aspek intonasi ini dalam kehidupan seharian dari seawal usia seseorang itu mula boleh memahami dan berkomunikasi maka didapati aspek ini kelihatannya agak kurang mendapat tumpuan yang khusus atau kurang diberikan perhatian. Ini disokong pula dengan buku yang menjadi rujukan utama, iaitu buku tatabahasa pegangan *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* yang jika diteliti kandungan aspek intonasi dalam buku ini, kelihatannya aspek ini amat kecil diberikan tumpuan penghuraianya berbanding dengan topik-topik yang lainnya. Adakah kerana perkara-perkara yang disebutkan di atas maka aspek ini kelihatan agak kurang dipentingkan dalam pengajaran? Atau adakah kerana andaian kemahiran berkomunikasi ini sedia diwarisi sejak kecil dari ibu bapa maka *langue*<sup>iii</sup> yang ada dalam diri setiap orang yang sempurna itu sudah memadai? Kesemua persoalan ini akan cuba dibincangkan dalam bahagian yang selanjutnya.

Kerja lapangan yang dilakukan di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur dan Singapura memperlihatkan bahawa P & P dengan fokusnya aspek prosodi tidak dilakukan secara





terancang dan berfokus, sebaliknya gabung jalin yang dilakukan hanya menyentuh aspek ini sekali lalu dan tidak seperti pengajaran aspek tatabahasa yang lain seperti pembentukan kata, makna dan pembinaan ayat. Pembelajaran melalui persekitaran bahasa kadang kala tidak memadai dan ada kalanya juga "menyesatkan" apabila murid/ pelajar tidak atau belum bersedia berfikir secara kritis dan tahu membezakan apa yang betul, baik, diterima pakai dalam masyarakat pengguna bahasanya.

### **Bahasa dan Masyarakat**

Bahasa dan masyarakat merupakan dua elemen yang saling berhubungan antara satu sama lain. Bahasa digunakan untuk tujuan berinteraksi dalam masyarakat, dan masyarakat pula menyediakan pelbagai konteks untuk bahasa digunakan. Sehubungan dengan itu, apa-apa sahaja bentuk dan ciri bahasa yang digunakan selain tercakup dalam sistem nahu yang sedia diterima pakai, bahasa yang digunakan ini juga mesti memenuhi atau menepati "hukum" tidak bertulis dalam buku tetapi jelas diguna pakai dalam masyarakat, iaitu bagaimana sesuatu kata, ayat dan intonasi tepat untuk digunakan dalam konteks yang pelbagai itu.

Apabila faktor persepsi diambil kira dalam lisan, maka persoalan bebas konflik amat dititikberatkan kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini, apabila pemilihan kata salah atau kurang tepat dalam konteks ataupun jika berlaku kasus pemilihan kata ternyata tepat disokong dengan niat si penutur, tetapi akibat melanggar norma dan nilai masyarakat setempat, mencalar persepsi, maka pernyataan lisan itu akan ditentang keras. Ini belum termasuk aspek kinesik yang pastinya lebih beragam persepsi maknanya di kalangan khalayak pengguna bahasa.

Oleh kerana masyarakat memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa, maka persepsi makna yang didekod haruslah sama seperti objektif lisannya. Apa yang dikhuatiri ialah apabila objektif lisannya berbeza dengan persepsi khalayak yang menjadi sasarannya. Ini bukan sahaja menimbulkan salah faham malah yang lebih buruk akan menimbulkan rasa permusuhan apabila lisan yang dilafaz dianggap sebagai ancaman muka kepada seseorang individu yang sedang dirujuk. Justeru, antara persoalan yang penting perlu diambil kira apabila

berkata-kata itu ialah sikap/usaha mengambil tahu siapa audiennya, latar belakang, konteks, masa, tempat dan topik yang dibicarakan. Ini kerana setiap lisan yang dilafazkan akan memberi refleksi kepada si pembicara tentang kesediaannya bercakap/berbicara, pengetahuan dan usaha yang dilakukan untuk memahami persoalan yang dibincangkan dan perkara-perkara yang dinyatakan sebelum ini.

Lanjutan itu, kertas kerja ini akan cuba membincangkan betapa pentingnya aspek prosodi dan semantik diambil kira dalam lisan selain memahami budaya masyarakat penutur sesuatu bahasa. Konsep tabu atau larangan dalam masyarakat penutur sesuatu bahasa perlu menjadi landasan dalam lisan yang dilafaz kerana persepsi makna yang buruk akan meninggalkan kesan yang buruk juga. Waima cuba dilakukan perubahan, konvensi dalam masyarakat yang sedia mantap sejak sekian lama tidak mungkin dapat diubah oleh mana-mana generasi yang akan datang sungguhpun kemungkinan niatnya itu baik.

### Prosodi dan Semantik

Ramai yang kurang tahu dan/atau tidak tahu apa itu prosodi. Sebaliknya apabila disebut perkataan *i-n-t-o-n-a-s-i*, pasti ramai yang akan memberikan respons "oooo...." dan sekali gus memahami apakah yang dimaksudkan dengan kata prosodi. Tidak keterlaluan jika dikatakan respons ini bertitik tolak dari keterbiasaan mendengar kata ini dalam rancangan realiti TV, sama ada rancangan realiti TV yang berobjektif untuk melahirkan penyanyi ataupun pelakon dan sebagainya. Sungguhpun begitu, jangan sama sekali terperangkap dengan pernyataan mensinonimkan prosodi dan intonasi ini kerana ini hanya penjelasan yang cuba menyederhanakan pemahaman tentang apa itu prosodi sahaja. Sebenarnya kedua-dua ilmu ini tidak sama mahupun serupa sama sekali. Prosodi mempunyai cakupan yang lebih luas berbanding intonasi yang analisisnya hanya tertumpu kepada 3 aspek, iaitu kelangsingan (*pitch*), kelantangan suara (*intensity*) dan durasi (*duration*). Kesan rancangan realiti TV ini, khalayak seperti mulai terbuka mata akan kepentingan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek ini semasa lisan.

Dalam bahasa yang mudah, prosodi ini merupakan kualiti lisan yang mencakupi antaranya intonasi, tekanan, kualiti dan



kualifier suara, durasi (tempo), kelantangan dan sebagainya. Semasa lisan berlangsung kesemua fitur-fitur ini digunakan secara terancang kerana kesemuanya mempunyai fungsi tertentu dan bersifat informatif. Pengguna bahasa yang sempurna akal fikiran, iaitu tidak cacat pasti tidak akan melakukan kesalahan dalam berbahasa kecuali dengan niat tertentu. Sebagai manusia normal, lisan yang berlaku akan seboleh mungkin cuba mencapai objektif komunikasi yang berlangsung dan mewujudkan konteks bebas konflik. Kelancaran komunikasi lisan yang berlangsung ditentukan oleh banyak faktor yang secara tanpa disedari menyediakan konteks persepsi yang pelbagai. Ini berpunca dari faktor kepelbagaian latar belakang dan pengetahuan khalayak sasarannya. Petikan di bawah memperlihatkan pentingnya prosodi dalam lisan;

Za'ba (1950), dalam tulisannya yang bertajuk "*Malay Manners and Etiquette*",

*... it is bad manners to speak in an unnecessarily loud voice. It amounts to shouting at the person addressed or to suggesting that he is hard of hearing. And shouting is generally expressive of anger or impatience, while presuming a person to be deaf is itself impolite.*

Pike, 1945:22

*... we often react violently to the intonational meanings than to the lexical ones; if a man's tone of voice belies his words, we immediately assume that the intonation more faithfully reflects his true linguistic intentions...*

Surah Luqman 31:19 yang bermaksud;

*"Dan sederhanalah dalam perjalanan engkau dan lunakkanlah suara engkau. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara himar (keldai)".*

Couper-Kuhlen, E. (1986)

*"... it wasn't what she said, it was the way she said it". This puts a powerful tool into the hands of the speaker. S/he can*

*exploit intonation to communicate meaning which 'objectively' may not be true.*

*When lexical content or syntactic/textual structure are at odds with intonation, it is often the meaning derived from intonation which prevails: ...*

### Peribahasa Melayu

*Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa  
Terlajak perahu boleh ditarik, terlajak kata, buruk padahnya*

Bahasa Melayu merupakan bahasa intonasi, ini bererti bagaimana sesuatu lisan itu dilafazkan maka makna yang dirujuk itu sebenarnya makna emosi yang mengiringi sesuatu lafaz yang berlangsung. Penggunaan fitur-fitur prosodi yang dinyatakan di atas tidak dilakukan sewenang-wenangnya sebaliknya ia sudah terancang dalam fikiran seseorang individu. Justeru dalam lafaz tersebut, sudah dikenal pasti mesej yang ingin disampaikan dengan segmentasi unit maklumat yang tertentu. Dalam prosodi, tinggi/rendah, kuat/perlahan, cepat atau lambat sesuatu lafaz itu mempunyai maknanya yang tertentu. Sementara itu, pemilihan perkataan yang tepat konteks merupakan kebijaksanaan individu dalam berbahasa dalam bahasa ibundanya. Sungguhpun begitu berlaku juga kasus aspek prosodi itu kurang berperanan akibat kekuatan makna leksikal kata yang dipilih. Dalam kasus seperti ini kata-kata yang tabu sering kali mengatasi peranan prosodi. Ini bersesuaian dengan pendapat Ladd (1978) ... *words may also override intonation*. Ungkapan *ibu ayam, biawak hidup, lidah bercabang* sudah cukup jelas rujukan maknanya walaupun apabila disampaikan dengan nada suara yang rendah dan yang biasanya dianggap sopan akan tetap membawa makna yang tidak diingini. Malah tanpa prosodi, rujukan maknanya tetap diperoleh. Begitu juga bagi perkataan-perkataan yang mempunyai kekuatan makna leksikal misalnya kata *aib, mohon, bijaksana* yang dipilih dari sejumlah kata yang bersinonim<sup>iv</sup> masing-masingnya *malu, segan, silu; minta, tuntutan, tagih; pandai, cerdik, dan pintar*. Dalam situasi sebegini, peranan semantik leksikal itu memberikan paparan makna yang dirujuk, mengatasi peranan prosodi. Ini bererti prosodi tidak berperanan utama. Sehubungan dengan itu,



semantik merupakan kualiti makna yang dirujuk pada semua aras yang merujuk kepada makna tersurat dan tersirat yang mencakupi pemilihan kata dan struktur ayat sehinggalah pada aras yang lebih tinggi, iaitu wacana.

Analisis yang dilakukan memperlihatkan telah berlakunya 2 kasus yang akan dibincangkan di sini, iaitu (i) makna tersurat = makna tersirat dan (ii) makna tersurat  $\neq$  makna tersirat. Kasus (i) tidak menimbulkan masalah kerana tiada masalah persepsi makna yang akan timbul kerana makna yang tersurat akan sama dengan makna yang tersirat berbanding kasus (ii), peranan prosodi tidak boleh dikesampingkan kerana makna emosi yang mengiringi makna tersirat akan hanya diperoleh jika hanya prosodi digunakan. Ini bererti makna teks tidak dapat membantu mendapatkan makna sebenar yang dirujuk.

Paparan 2 kasus ini tidak hanya bagi memenuhi keperluan pengetahuan yang perlu ada dalam kalangan pelajar asing atau bahasa kedua dan sebagainya, sebaliknya juga pengetahuan dan kesedaran tentang kewujudan 2 kasus ini juga sangat relevan bagi penutur bahasa natif. Sikap ambil mudah atau lewa harus dihapuskan kerana sebagaimana yang dinyatakan pada bahagian awal kertas ini, aspek prosodi ini penting kerana makna emosi yang didukunginya. Faktor ancaman muka tidak terhad kepada lisan antara penutur asing dan penutur bahasa natif tetapi sebaliknya ancaman muka tetap berlaku dalam kalangan penutur natif yang berkomunikasi sesama mereka juga. Apa yang akan dibincangkan nanti merupakan paparan dari data autentik yang berlaku dalam kehidupan harian tanpa disedari bahawa implikasinya amat buruk kerana mewujudkan situasi konflik antara penutur. Perbincangan yang berikut akan memperlihatkan 2 kasus yang diperkatakan di atas.

### Analisis Data

Terdapat 2 kasus yang dirujuk, iaitu (i) makna tersurat = makna tersirat dan (ii) makna tersurat  $\neq$  makna tersirat.

- (i) makna tersurat = makna tersirat

Dalam kasus seperti ini, situasi yang dirujuk tidak menimbulkan salah faham kerana baik dari segi struktur ayat dan konteks linguistiknya tidak menimbulkan

makna lain atau makna tambahan. Kasus seperti ini lazimnya dapat dilihat dalam ayat penyata, ayat perintah, ayat tanya dan sebagainya. Walau bagaimanapun kadang kala berlaku kesalahan persepsi dari kalangan khalayak kerana faktor-faktor seperti latar belakang, emosi, pengaruh sekitar dan sebagainya.

(ii) makna tersurat  $\neq$  makna tersirat

Dalam kasus seperti ini, dalam bentuk teks bertulis, makna tersurat tidak sama dengan makna yang tersirat. Kasus ini memerlukan peranan prosodi untuk mendapatkan makna sebenar yang dirujuk dalam sesuatu lafaz. Jika prosodi dikesampingkan, makna yang diperoleh hanya pada peringkat permukaan yang sama sekali akan menimbulkan salah faham yang lebih kompleks apabila tidak diperbetulkan.

Perhatikan contoh-contoh yang berikut, kasus **tanpa prosodi berperanan utama**.

**Kasus (a)**

- No. 5 dan 6 itu kenapa harus tanya saya. Itu adalah tugas orang yang nak transfer wang saya belanjakan untuk ke sana. Ini tidak pernah berlaku dan lucu pula dibuatnya. Pembayaran selama ini dari Malaysia tidak serumit ini. Mereka hantar cek dan saya pun pergi ke bank saya. Ini makanya saya pernah katakan betul-betulkah boleh guna wang saya dahulu dan claim kemudian? Akhirnya nampaknya akan hanguslah duit saya.

Apa persepsi anda? Apa emosi yang anda dapat kesan? Adakah prosodi perlu ada? Atau si pembacanya yang berprosodi?

**Kasus (b)**

- Mula-mulanya, nak no. akaun, nak alamat pos yang boleh dikirim kepada saya, nah sekarang berkembang jadi macam-macam. Khususnya yang ke 5 dan 6 itu. Mana ada orang tanya payee seperti ini?



Apa persepsi anda? Apa emosi yang anda dapat kesan? Adakah prosodi perlu ada? Atau si pembacanya yang berprosodi?

### Respons Dari Kasus (a) dan (b)

- Duit Dr. A tidak akan pernah hangus. Duit itu kami bayar, ATM bukan tak ada duit untuk bayar, kami ada peruntukan untuk itu. Janganlah kerana hal yang sekecil ini menimbulkan salah faham pula.
- Ini prosedur biasa, kerana ini peruntukan penyelidikan yang ada tabungnya sendiri. Aliran wang perlu jelas.
- Kelihatannya seperti rumit benar pada Dr. A, saya cuba selesaikanlah dengan cara lain, saya jamin akan membayar semula wang ini kalau pun dengan duit saya sendiri.

Apa persepsi anda dengan jawapan ini?

### Kasus (c)

Petikan emel (emel yang ditulis sendiri oleh Johan)  
Johan disuruh oleh Prof. Wu ...

### Kasus (d)

Dialog KJ dengan kerani

KJ: Prof. A datang untuk viva calon B, esok?

K: (sambil tersenyum apabila menjawab) Saya suruh dia datang.

KJ: ??

Persoalan, apa persepsi anda pada kata yang bergaris tersebut?

### Kasus (e)

... jangan berangan meniti laut, takut air menjadi api ...

... taat yang tiada kesudahan, tiada penghujung

Persoalan, apa persepsi anda pada kata yang bergaris tersebut?

### Kasus (f)

1. Hubungan saya dengan penyelia saya, seperti ibu ayam dengan anak ayam ...<sup>v</sup>
2. Kau kacaukan kedamaian negeriku, kau injak-injak martabat rakyat dan leluhurku ...
3. Slogan "Dadah itu najis". "Dadah itu haram".
4. ... dengan kepalamu yang tidak sepadan dengan telapak kakiku ...
5. ... pantang tok nenek aku ...
6. Dasar jantan/betina ...
7. Kepala bapak ...
8. Yuna jual diri<sup>vi</sup> di New York.
9. Banyak tuduhan ...
10. Saya terkilan ...
11. Jangan kacau ...
12. Adalah bijaksana jika mendengar terlebih dahulu ....
13. ... berdialog tanpa fakta
14. ... saya yakin kita akan hanya menimbulkan banyak masalah ...
15. ... tidak mendatangkan sebarang faedah ...
16. ... bertegang urat ...
17. ... jika saudara berdegil, saya juga boleh berdegil ...

### Kasus (g)

1. Saya tidak pernah berubah fikiran apabila saya kata, saya boleh berdikari tanpa (Datuk) Misbun Sidek tetapi itu tidak bermakna saya tidak memerlukan beliau langsung, tegas jaguh no. 1 dunia, Datuk Lee Chong Wei ketika ditanya mengapa kenyataannya sekarang bercanggah dengan apa yang pernah dikatakan sebelum ini.

Apa persepsi anda sebagai pembaca? Makna berdikari dan percanggahan yang ditimbulkan?



## Kasus Prosodi Berperanan Utama

1. Besar rumah ini<sup>vii</sup>.
2. Baguslah cu.
3. A: Awak suka saya datang?  
B: Suka.
4. Amboi! Cantiknya muka awak.
5. Malam sikit.
6. Pertama kali ayahnya tengok aku kau.
7. Kemasnya bilik awak.
8. Kalau menurut biar berakal, kalau menurut biar pintar.
9. Cepatlah.
10. ... dengan hormatnya puan teruskan ...
11. ... saya mohon ...
12. ... sekarang dah pukul 5 puan ...
13. ... (ayat penyata) nilai-nilai UM, hormat, integriti, tanggungjawab sosial, kebertanggungjawaban ...
14. ... saya panas, hari ini saya panas, serius panas ... petikan 3, minit 7: ...
15. Penggunaan bahasa yang formal dan tidak dibezakan dengan ...

## P & P Prosodi, Semantik dan Budaya Melayu

P & P bahasa Melayu mestilah menjelaskan hubungan yang wujud antara ketiga-tiga bidang ini, iaitu tanpa menafikan peranan kinesik dalam menambah jelas makna yang dirujuk. Walau bagaimanapun kertas kerja ini tidak akan membincangkan peranan kinesik.

Persoalan dalam pemilihan perkataan yang tepat konteks harus dijelaskan kepada para pelajar agar konsep sinonimi yang wujud dalam bahasa diketahui. Seperti yang banyak dinyatakan oleh para sarjana pemilihan perkataan yang tepat konteks perlu dilakukan kerana tidak ada kata yang sinonim 100%. Kasus seperti ini berlaku kerana konteks linguistik yang berbeza memerlukan ketepatan kata dan makna yang mesti diguna dan dirujuk. Misalnya kata *mati*, *kojol*, *mati katak*, *meninggal dunia*, *wafat*, *mangkat* walaupun mempunyai makna yang sama, tetapi

penggunaannya berbeza konteksnya. Pelajar harus dijelaskan tentang perkara ini kerana akibat tersalah memilih kata dan padanan konteks akibatnya akan wujud suasana yang tidak diingini. Di samping itu, pemilihan kata yang tepat konteks akan mempamerkan kesantunan dalam berbahasa yang sekali gus merepresentasi siapa yang berbicara, latar belakang, pengetahuan dan secara tidak langsung juga menggambarkan kepekaannya tentang kesensitivitian khalayak di mana individu itu berada. Ini tidak sahaja tertumpu pada bentuk lisan sahaja sebaliknya dalam bentuk bertulis aspek ini juga tidak boleh diabaikan. Perlu juga dijelaskan bahawa waima kata yang dipilih itu jika dilihat susun atur darjah kesantunannya itu tinggi dan sesuai dalam konteks yang tertentu, berlaku juga situasi kata yang digunakan itu sama sekali tidak membawa erti santun yang dinyatakan akibat penggunaan prosodi yang tertentu. Dalam hal ini makna emotif santun tersebut sudah tidak mempunyai ertinya lagi. Malah Za'ba sendiri ada menyatakan peranan kualiti suara ini apabila bercakap dengan orang yang lebih tinggi kedudukannya, *"Nor is it good manners to speak in a loud voice to a superior, and for that matter to an elderly man or to a guest. It is also rude for the manner of speaking to be snappish or irritated"*.

Akibat kurang arif dalam makna yang dirujuk apabila menggunakan perkataan-perkataan yang tertentu berlaku percanggahan maklumat yang hendak disampaikan sehingga makna yang tersurat = tersirat boleh dipertikaikan. Misalnya ... saya *mewakili* generasi yang lahir dan membesar dalam era Mahathir serta pasti ramai lagi yang peka tentang bahasa Melayu ...<sup>viii</sup>. Persoalannya adakah tepat penggunaan kata **mewakili** dalam teks tulisan individu ini? Siapa yang mewakilkannya? Siapa yang memberi kuasa untuk individu ini menyatakan bahawa dia mewakili generasi tertentu itu? Adakah makna **generasi** ini difahami? Fikirkan contoh ini pula, ... *menghasut* pelajar jangan memperjuangkan bahasa hanya menumpukan perhatian kepada peperiksaan sahaja. Apakah yang dimaksudkan dengan **menghasut**? Tepat dan sesuaiakah kata ini digunakan dalam konteks linguistik ini? Ini konteks sebuah institusi pengajian tinggi, adakah jika pensyarah meminta pelajar supaya fokus kepada peperiksaan, perbuatan itu dikatakan **menghasut**? Tidakkah benar ini menunjukkan pemilihan perkataan yang salah telah berlaku dalam konteks komunikasi yang berlangsung? Lanjutan itu,



apabila kesalahan memilih kata berlaku, maka makna tersurat dan tersirat menjadi celaru. Konteks yang cuba dibina dengan makna rujukan kata tersebut mulai dipertikaikan. Maka di sini, pengguna bahasa sudah terperangkap dengan kata-kata yang digunakan. Inilah yang dikatakan sebagai kurang pengetahuan tentang ilmu semantik. Pengetahuan yang dangkal ini berlaku dalam kalangan penutur natif bahasa Melayu dan tidak menjadi satu kejutan pula jika kesalahan yang sama berlaku di kalangan penutur bukan natif bahasa Melayu. Para pelajar harus diingatkan tentang persepsi khalayak yang mendekod setiap maklumat yang disampaikan, menilai dan membuat kesimpulan tentang apa yang dibaca dan didengar. Norma dan nilai dalam masyarakat penutur sesuatu bahasa sudah meletakkan semacam aturan yang tidak pernah tertulis di mana-mana buku tetapi menjadi amalan sejak sekian lama. Justeru, persoalan biadap, kurang ajar timbul apabila perlakuan berbahasa tidak kena atau sesuai konteks berlaku. Fikirkanlah, wajarkah seorang pelajar yang merupakan calon ijazah tinggi menyatakan dalam laman sosial yang menjadi bacaan para pelajar dan khalayak ramai '*diam sahajalah jadi pensyarah kangkung*<sup>ix</sup>'. Adakah pernyataan ini dapat diterima dalam kalangan ahli akademik atau masyarakat penutur bahasa Melayu? Adakah ini tidak dianggap biadap dan boleh diterima atau sesuai dalam norma dan nilai masyarakat Melayu?

Selain itu, perlu diterangkan juga tentang budaya mencelah atau menyampuk perbualan yang berlangsung juga merupakan satu larangan dalam budaya masyarakat penutur bahasa Melayu. Perlakuan ini perlu dijelaskan. Hal ini pernah diperkatakan oleh Za'ba dalam artikel tulisan beliau yang bertajuk *Malay Manners and Etiquette*,

*To a Malay, the person thus interrupting deserves a slap in the face<sup>x</sup>.*

Merujuk kepada perkara di atas, bagaimanakah perbuatan mencelah itu boleh dilakukan? Perkara seperti ini perlu dititikberatkan dalam P & P, iaitu bagaimana perbuatan (mencelah) itu harus dilakukan bagi memastikan perbuatan tersebut tidak menimbulkan konflik. Dalam hal ini cara terbaik ialah dengan menunggu sehingga selesainya sesuatu ujaran yang sedang dilafazkan atau jika keadaan terlalu mendesak untuk perlakuan

mencelah itu dilakukan, kinesik yang sesuai seperti mengangkat tangan bagi memberi tanda bahawa "gangguan" seketika akan dilakukan. Za'ba sendiri mencadangkan "... for some very urgent reason it is absolutely necessary to break in abruptly, one must excuse oneself with proper apologies before making the interruption, such as *ma'afkan saya tompang berchakap, i.e. excuse me interrupting or joining in.*"

Dalam P & P selain kaedah sedia ada yang sering diguna pakai, kepelbagaian dan kreativiti guru dan pelajar harus disekalikan. P & P tidak boleh bersifat sehalu sahaja, iaitu guru kepada pelajar dan jika berlaku interaksi pula pada aras minimum sahaja. Sebaliknya interaksi yang aktif perlu berlaku dengan kepelbagaian alat bantu mengajar yang bersifat semasa sesuai dengan kemudahan teknologi komputer hari ini.

Bahan-bahan dari drama, sitkom, filem atau apa sahaja yang relevan dalam proses pengayaan ilmu pengetahuan dengan fokus kemahiran berbahasa harus digunakan untuk mengelakkan proses P & P yang stereotaip dan menjemukan. Bahan-bahan dari *youtube* misalnya ciri animasi Upin dan Ipin memuatkan banyak unsur didaktik dalam karyanya. P & P yang menyelitkan unsur hiburan diyakini akan menimbulkan kesan yang lebih tinggi di kalangan para pelajar.

Dialog yang dipilih boleh sahaja dilakukan analisis seperti pemilihan kata, ketepatan penggunaannya dalam konteks dan kesesuaiannya dengan norma dan nilai dalam masyarakat. Ini bukan sahaja menjelaskan kelaziman yang berlaku dalam bahasa sebaliknya juga akan menjelaskan apa yang seharusnya berlaku dan apa yang tidak seharusnya berlaku. Kepekaan akan kesalahan ataupun kesilapan bahasa yang berlaku akibat kurang tahu dan tidak tahu boleh diambil dari contoh yang berlaku seharian di persekitaran yang ada. Contoh-contoh yang sebegini tentunya relevan dan boleh dijelaskan dengan baik tentang mengapa lafaz, pemilihan kata, struktur ayat dan sebagainya tidak diterima dalam norma dan nilai masyarakat penutur bahasa Melayu. Contoh-contoh yang bersifat autentik merupakan contoh yang mudah untuk dibincangkan dan baik sebagai bahan P & P. Sebaliknya contoh yang bersifat rekaan atau dibuat-buat kadang kala tidak masuk akal dan sukar untuk diterangkan alasan mengapa bentuk-bentuk bahasa yang sedemikian rupa tidak diterima.



## Penginputan Prosodi, Semantik dan Budaya Dalam P & P

Dalam P & P bahasa Melayu, guru seharusnya bijak menggabungkan kemahiran lisan yang diajarkan dalam komponen bahasa secara terancang akibat kekangan masa. Pertindihan kesemua kemahiran dalam berbahasa sama ada aspek fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis menggambarkan penguasaan dan kemampuan berbahasa para pelajar. Jumlah masa yang diperuntukkan sebanyak 6 masa (40 – 45 minit bagi satu-satu masa) selama seminggu sememangnya tidak dinafikan kurang memadai jika kesemua aspek dalam bahasa hendak diberikan tumpuan. Tambahan pula apa yang berlaku ialah keadaan yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan P & P hanya berfokus pada keperluan bersedia untuk peperiksaan. Kemahiran yang selebihnya perlu diusahakan oleh para pelajar sendiri. Dengan tidak mengabaikan sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan itu, dalam masa yang amat terhad tersebut mungkin cuba diwujudkan kelainan dalam kaedah dan pendekatan P & P. Dan jika ini tidak dapat dilakukan semasa di dalam kelas, persatuan atau kelab bahasa Melayu sekolah boleh mengupayakan apa yang tidak dapat dilaksanakan di dalam kelas.

Penjelasan tentang keperluan perkara-perkara yang tersenarai di bawah boleh sahaja digabung jalin untuk memperlihatkan kebebasan aspek-aspek ini dalam komponen bahasa.

1. Penjelasan keperluan lisan yang kualiti lafaznya sesuai dengan konteks linguistik dan budaya bagi mewujudkan situasi bebas konflik.
2. Penjelasan dengan pemberian contoh yang pelbagai dengan penerangan tentang tahap kebolehterimaan berdasarkan konteks linguistik dan budaya.
3. Penjelasan tentang hubungan kualiti lafaz dengan pemilihan perkataan yang perlu berlaku. Misalnya kerana manipulasi prosodi<sup>xi</sup> berlaku, maka kata yang dianggap sebagai santun sudah tidak santun.
4. Penjelasan tentang konsep sinonim yang sebenarnya tidak boleh digunakan secara bertukar ganti pada semua konteks linguistik dan budaya.

5. Penjelasan bagaimana komunikasi berkesan berlaku baik dalam teks bertulis mahupun lisan. Dalam hal ini, pemilihan perkataan, topik, latar belakang individu/khalayak sasaran, tempat dan sebagainya perlu diambil kira dalam memastikan komunikasi berlangsung dengan baik menepati objektifnya.
6. Penjelasan tentang laras yang tepat menurut bidang yang diperkatakan. Contoh yang relevan perlu diberikan bagi memudahkan kefahaman pelajar.
7. Penjelasan tentang konsep tabu dalam masyarakat dan konvensi yang tidak boleh diubah kerana persepsi masyarakat yang sudah mantap tentang sesuatu perkara.
8. Penjelasan bahawa belum tentu sebagai penutur natif bahasa Melayu penguasaan dan kemahiran berbahasa Melayu sudah sempurna. Untuk menjelaskan ini guru harus menyediakan contoh kesalahan atau kesilapan yang berlaku dengan menggunakan contoh yang autentik.
9. Penjelasan tentang kepekaan tentang sesuatu yang menjadi tabu dalam masyarakat penutur berbilang bangsa ditekankan kerana pelajaran bahasa Melayu mempunyai fungsi sebagai bahasa perpaduan.
10. Penjelasan tentang persepsi khalayak sasaran terhadap individu yang berbicara seandainya bahasa yang digunakan itu kurang sempurna, tidak baik, menyentuh hal-hal yang sensitif akan menimbulkan konflik dalam komunikasi.

Apa yang tersenarai merupakan sebahagian daripada perkara yang boleh dilihat dan diambil tindakan bagi penambahbaikan kandungan P & P yang selama ini dilaksanakan. Cadangan ini tidak bererti guru tidak melaksanakan perkara yang dinyatakan tetapi penekanan yang ada mungkin kurang tambahan masalah sikap pelajar yang kurang memberi tumpuan dan memandangkan pembelajaran bahasa Melayu dianggap tidak sepenting pelajaran teras yang lain seperti bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains.



Penjelasan tentang sepuluh perkara di atas dianggap sebagai asas dalam komunikasi yang berkesan dan sesuai konteks. Dengan anggapan bahawa komunikasi berkesan menjamin kelangsungan objektif komunikasi, maka hal ini tidak boleh dikesampingkan.

## Kesimpulan

Perbincangan di atas pasti telah membuka mata dan minda kita semua betapa perlunya input prosodi, semantik dan budaya disekalikan atau digabung jalin dalam P & P bahasa Melayu. Ketiga-tiga disiplin ilmu ini saling melengkapi antara satu sama lain bagi memperkukuh kemahiran berbahasa masyarakat penutur baik natif mahupun yang bukan natif. Situasi bebas konflik merupakan objektif yang lazimnya diingini setiap kali komunikasi berlangsung. Ini bererti ancaman muka perlu dielakkan daripada berlaku.

Sementara itu, generasi muda dan yang akan datang perlu ditekankan walau betapa modennya kehidupan dan budaya mereka, persoalan kesantunan tidak boleh diabaikan. Masyarakat penutur mempunyai nilai dan norma yang tidak tercatat dalam mana-mana buku tetapi sudah menjadi amalan sejak sekian lama. Seharusnya lebih tinggi pendidikan yang diterima maka lebih berhati-hati dan santun apabila berbicara. Justeru, guru perlu menjelaskan santun tidak bererti menggunakan kata yang berlapis, menggunakan perlambangan sahaja sebaliknya santun juga boleh direpresentasi melalui pemilihan kata, nada suara dan mengambil kira kesensitivitian masyarakat sekeliling. Jika dikatakan bahawa ungkapan kreatif atau kata yang beranalogi itu sudah tidak relevan, isu ini tidak menjejaskan sama sekali konsep santun yang hendak diangkat atau ditekan. Sebaliknya tanpa penggunaan ungkapan-ungkapan seperti peribahasa, simpulan bahasa dan sebagainya, perlakuan santun itu tetap dapat direpresentasi dengan pelbagai cara yang berbeza.

Sebagai masyarakat penutur sesuatu bahasa, kita tidak boleh lari dari medan hidup yang di dalamnya ada budaya dan ada bahasa. Ini bererti kelestarian budaya dapat dilakukan dengan pemerksaan bahasa. Apabila pengguna bahasa bijak berbahasa maka tinggilah budaya, martabatlah bangsa dan lestarilah ia.

## Rujukan

- Abdullah Hassan dan Aion Mohd., 1993. *Kamus Peribahasa Lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asraf H. Wahab, 1981. *Intonasi dalam Hubungannya dengan Sintaksis Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Couper-Kuhlen, E., 1986. *An Introduction To English Prosody*. London: Edward Arnold.
- Dialog dari filem *Puteri Gunung Ledang*, terbitan Enfiniti Sdn. Bhd.
- Indirawati @ Indrawati Zahid, 2003. "Kajian Intonasi Fonetik Eksperimental: Realisasi Makna Emosi Filem Sembilu 1 dan 2". Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_ dan Mardian Shah Omar, 2006. *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Kamus Bahasa Melayu NUSANTARA*, 2003. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Key, M.R., 1975. *Paralanguage And Kinesics (Nonverbal Communication)*. Metuchen, N.J.: The Scarecrow Press, Inc.
- Ladd, D. Robert, Jr., 1978. "The Structure of Intonational Meaning. Evidence from English". Ph.D diss., Cornell University. [Pub. Indiana University Press, Bloomington, 1980.]
- Laman sesawang *Facebook*.
- Majlis Dialog Pelajar dan Pengurusan Tertinggi IPTA.
- Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu 2003, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu 2001, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*, Edisi Baharu, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba, 1950. "Malay Manner and Etiquette". JMBRAS Jil. XXIII.



- 
- i Ibu bapa hari ini juga (khususnya mereka yang terdedah kepada sistem pendidikan tinggi) sering kali membacakan buku cerita kepada anak-anak masing-masing. Dan pembacaan buku cerita ini dilakukan sejak anak-anak ini masih di dalam kandungan lagi. Malahan jika diteliti cara bagaimana pembacaan cerita (*story telling*) ini dilakukan, pasti pembaca akan bersetuju bahawa aktiviti sebegini agak banyak bermain dengan intonasi.
  - ii Termasuk kemudahan internet yang kini amat mudah diakses dari mana-mana lokasi sahaja.
  - iii Sistem bahasa yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Contohnya, tatabahasa, sintaksis dan kosa kata (lihat Kamus Linguistik, halaman 145).
  - iv Rujukan *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*, Edisi Baharu, 2010.
  - v *as a hen gathers her chicks under her wings*, kemungkinan penutur natif bahasa Melayu ini cuba mengubah pandangan hidup masyarakat Melayu tentang ibu ayam, tetapi tindakan ini tidak dapat diterima.
  - vi Petikan dari slaid yang dipaparkan semasa nama-mana calon Anugerah Bintang Popular 2010. Pada persepsi penutur natif, apakah ada yang tidak kena dalam *caption* tersebut? Adakah seperti yang diperkatakan dalam (ii)?
  - vii Contoh dari buku kecil Asraf (1988), *Intonasi dalam Hubungannya dengan Sintaksis Bahasa Melayu*.
  - viii Petikan dari laman sesawang Facebook, antara seorang calon sarjana yang mengaku dirinya pejuang bahasa.
  - ix Dalam *Kamus Peribahasa Peribahasa Lengkap Utusan*, Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1993), ada dicatatkan simpulan bahasa profesor kangkung = profesor yang naik pangkat tanpa prestasi keilmuan. Justeru pensyarah kangkung = pensyarah yang naik pangkat tanpa prestasi keilmuan.
  - x Akan dipaparkan perbuatan mencelah yang dilakukan, dan persoalan persepsi akan ditanyakan sama ada perbuatan tersebut dianggap biadap?
  - xi Pada peringkat sekolah, konsep yang terlalu bombastik tidak perlu digunakan, guru harus menyederhanakan konsep yang diterangkan dengan bahasa atau analogi yang mudah.

